

Lawatan Ke
Zon Utara



Buletin Info Pintar

ISSN : 1675-990 | BILANGAN 3 | 2013 Oktober - Disember

Konvensyen Kik UiTM –
Kumpulan Keylite (PTAR)
Menggondol Persembahan
Terbaik



Wargakerja PTAR
memenangi persembahan
terbaik



Kandungan

PENASIHAT

NOOR HIDAYAT ADNAN

KETUA PENYELARAS

FARIDAH TALIB

KETUA EDITOR

JAMALLUDIN SULAIMAN

KHASIAH ZAKARIA

PENULIS

NIK LOKMAN NIK ISMAIL

SITI SALWA A. RAHMAN

PENYUMBANG ARTIKEL / SUMBER

AHMAD NAZRI JAAFAR

SAKMAH SARIF

SITI AISHAH SADAN

ABDUL RAZAK ABD RAHMAN

SHAHIDATUL AKHMAM RAMBELI

SYAAKIRAH ABD. KHALID

AZNUR UMIZA ABU KASSIM

FARIZ AZUAN HARUN

AHMAD AMIRI MOHAMAD

NUR AZIAN AZIZ

GRAFIK & REKA LETAK

ZAWAWI HUSSAIN

JURUFOTO

ROSTINAH MUJIR

Xplorasi PTAR 2013 : Usaha Berterusan PTAR.....**ms02-04**

Wargakerja PTAR Memenangi Persembahan Terbaik.....**ms05**

Konvensyen KIK UiTM.....**ms06 - 07**

Lawatan Akademik Prof. Dr. Ursula Georgy.....**ms08 - 09**

Program *Every Child Needs A Family*.....**ms10**

Lawatan Audit Program Pascaijazah (IPTA).....**ms11**

Lawatan Kerja Penandaarasan Ke Perpustakaan Universiti Zon Utara.....**ms12**

Audit Pemantauan (Surveillance Audit 1) LRQA ISO 9001:2008.....**ms13**

Gotong-royong Perdana PTAR.....**ms14**

Teambuilding KPA Dan KPP.....**ms15**

Program *Library Is My Second Home Meriah*.....**ms16-17**

Lawatan Penandaarasan Daripada IPG Kampus Ipoh.....**ms18**

Lawatan Tapak Bangunan Baru PTAR Kampus Puncak Alam.....**ms19**

Pameran Perpustakaan.....**ms20**

Bengkel Pemantapan Modul Kemahiran Maklumat.....**ms21**

Santapan Rohani.....**ms22**

Lensa Album.....**ms23**



Tahun 2013 telah melabuhkan tirai dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2014. Kedatangan Tahun Baru ini sudah pasti disulami dengan rasa amat gembira hasil kejayaan yang kita capai sepanjang tahun 2013, sekali gus menyemarakkan lagi semangat kita untuk mencatat prestasi yang lebih gemilang.

Seperti kelaziman, kita sentiasa membuat azam baru setiap kali menempuh tahun baru. Ada yang berupa azam peribadi, ada yang merupakan azam umum yang merumuskan cita-cita dan impian unit, jabatan dan organisasi kita. Semoga perancangan yang telah disusun akan direalisasikan dengan baik dan berjaya. Tahun 2013 menyaksikan pelbagai pencapaian yang dilalui oleh PTAR antaranya penganjuran acara tahunan iaitu Program Xplorasi PTAR 2013. Program selama 2 hari tersebut melibatkan segenap lapisan warga kerja dan pengguna perpustakaan melalui aktiviti-aktiviti menarik seperti Xplorace, pertandingan Cipta Reka Buku, demo cupcake serta penampilan istimewa bersama penulis novel Alaf 21, Anis Ayuni.

Selain itu, PTAR berjaya memenangi Anugerah Khas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) (Pelaksanaan Projek Berimpak) bagi tempoh 2008–2012, Anugerah Kriteria Perancangan Strategik dan Kriteria Tumpuan Pelanggan sempena Hari Kemuncak Bulan Inovasi 2013 anjuran INQKA pada 23 Disember 2013 yang lalu. Edisi e-buletin kali ini turut menyiarkan beberapa coretan aktiviti-aktiviti yang berlaku sepanjang tahun 2013 di Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama serta perpustakaan fakulti di Shah Alam.

Mudah-mudahan tahun 2014 ini akan menjanjikan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan yang berterusan buat PTAR. Saya yakin dengan iltizam yang kuat dan kerjasama semua pihak serta niat yang ikhlas, insyaAllah usaha kita akan diberkati. Akhir kata, Selamat Tahun Baru untuk warga PTAR dan pengguna-pengguna perpustakaan.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bersyukur saya ke Hadrat Allah SWT atas limpah KurniaNya yang memberi peluang kepada saya menyampaikan ucapan aluan dalam E-Buletin PTAR.

E-Buletin edisi ketiga kali ini akan memaparkan lebih banyak bahan penulisan yang berkisar tentang aktiviti, program dan juga kejayaan yang dicapai oleh wargakerja PTAR sepanjang empat bulan terakhir tahun 2013.

Sehubungan dengan itu saya mengharapkan agar E-Buletin PTAR akan memberi banyak faedah kepada pembaca. Ia juga diharapkan mampu menanamkan minat pembaca untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai perkara yang berkisar tentang PTAR.

Di samping itu penerbitan E-Buletin ini juga merupakan salah satu usaha bagi melahirkan lebih ramai penulis di kalangan warga PTAR. Pelajar-pelajar UiTM seperti juga institusi tersohor dunia yang lain adalah bakal pemimpin dunia di masa akan datang. E-Buletin PTAR dan yang seumpama ini sudah pasti menjana minat pembaca untuk meneroka dan melaporkan pelbagai bidang dan boleh membantu dalam kerjaya mereka di masa hadapan.

Akhir kata, saya berharap agar E-Buletin PTAR ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca dalam mencungkil bakat dan potensi diri ke arah mencapai kecemerlangan dari segi minda, jasmani, rohani dan emosi. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada E-Buletin PTAR dan mendoakan semoga Allah s.w.t. memberkati usaha-usaha murni seumpama ini.

Pemantapan Iqra wajar dirangsang,
Membina watan cemerlang gemilang,
Penerbitan E-Buletin mantap dirancang,
Menjadi wadah penulisan terpendang.

Wabillahi taufik Assalamualaikum warahmatullah.

XPLORASI PTAR 2013 : USAHA BERTERUSAN PTAR DI DALAM MEMPROMOSIKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI DAN MENDEKATI PARA PENGGUNA

oleh Nik Lokman Nik Ismail



Ucapan perasmian oleh Ketua Pustakawan, En. Noor Hidayat Adnan

Selasa, 17 Disember 2013 – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM akan memanfaatkan program Xplorasi PTAR 2013 dengan memperkenalkan dan melancarkan pelbagai perkhidmatan baru yang akan memberikan kemudahan dan pengalaman baru kepada pengguna-pengguna PTAR.

Program Xplorasi PTAR 2013 yang bertemakan Inspirasi Mu, Motivasi Ku ini adalah merupakan satu acara tahunan PTAR di dalam membuka peluang seluas-luasnya kepada para pengguna PTAR untuk mengetahui secara lebih mendalam dan juga berinteraksi secara terus dengan warga kerja PTAR tentang perkhidmatan yang ditawarkan.

Ketua Pustakawan PTAR, Encik Noor Hidayat Adnan dalam perutusan perasmian berkata, tema yang dilaksanakan pada program ini akan menjadi satu platform terbaik bagi mendapatkan maklumbalas pelanggan dan dalam masa sama dapat menjana idea kepada penemuan perkhidmatan dan kemudahan baharu.

Menurutnya lagi inisiatif penganjuran program ini dilihat sebagai mekanisme yang tepat dalam memperkenalkan dan mempromosikan perkhidmatan PTAR di samping mempereratkan hubungan baik serta menjalin kerjasama strategik di antara PTAR, Majlis Perwakilan Pelajar serta pelanggan perpustakaan.

“PTAR juga perlu berubah seiring dengan perubahan teknologi terkini, pelbagai sumber rujukan dalam menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan tidak hanya terhad kepada sumber bercetak sahaja tetapi sumber digital turut diutamakan seperti buku elektronik, jurnal elektronik dan pangkalan data,” katanya.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan baharu yang akan dilancarkan adalah :

- **Live Chat – Ask Your Librarian**
- **Peta Digital**
- **i-tonton**
- **u-intelek**
- **i-baca**
- **Web OPAC 2.0**
- **e-newspaper**
- **Book Drop**
- **You Tube PTAR**





Sekitar majlis perasmian

“UiTM kekal diiktiraf sebagai penerima anugerah utama di dunia yang menggunakan pangkalan data Emerald (Highest Download) buat kali ketujuh berturut-turut semenjak tahun 2007.”

Program Xplorasi PTAR 2013 yang mendapat kerjasama daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UiTM turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Mr. Dean Staffieri, Pengarah Pemasaran, Serials Solutions yang berpangkalan di Melbourne, Australia. Kehadiran beliau di sini adalah semata-mata untuk melancarkan produk terbaru yang dilangani oleh PTAR iaitu Pangkalan Data Dalam Talian (PDDT) *Discovery Service PTAR – Summon 2.0*.

Menurut Mr. Dean Staffieri, Pangkalan Data Dalam Talian (PDDT) *Discovery Service PTAR – Summon 2.0* yang berwajah baru ini mampu memberikan satu kepuasan kepada pengguna-pengguna PTAR di dalam akses pencarian maklumat, kajian dan isi kandungan yang berwibawa.

Turut menjadi kebanggaan kepada PTAR, UiTM adalah pengumuman daripada Emerald Publishing yang memaklumkan bahawa PTAR, UiTM kekal diiktiraf sebagai penerima anugerah utama di dunia yang menggunakan pangkalan data Emerald (Highest Download) buat kali ketujuh berturut-turut semenjak tahun 2007 lagi.



Online Shelving Game di booth oleh Bahagian Pengurusan Perpustakaan Digital



Mr. Dean Staffieri, Pengarah Pemasaran Serials Solution melancarkan Discovery Service PTAR - Summon 2.0



Permainan big puzzle di booth Bahagian Pengurusan Pelanggan

Dalam pada itu Emerald, selaku salah satu Pangkalan Data Dalam Talian yang dilanggan oleh PTAR juga telah memilih 6 orang penulis UiTM bagi penyampaian Literati Award di mana ianya merupakan satu pengiktirafan kepada mereka yang telah menyumbang penulisan artikel di dalam Pangkalan Data Dalam Talian.

Sementara itu di dalam majlis yang berlangsung selama dua hari ini juga, selain daripada majlis perasmian dan penganugerahan award di atas, perkarangan dan ruang legar utama PTAR turut dipenuhi dengan pelbagai acara dan aktiviti lain yang menarik.

Antaranya adalah Majlis penyampaian hadiah untuk Pertandingan Nadi iLMU – Ulasan Buku, Peminjam Buku terbanyak 2013, sesi santai bersama novelis Alaf 21, Anis Ayuni, Pertandingan *Xplorace*, persembahan nyanyian, demonstrasi masakan dan pelbagai jualan makanan yang enak seperti kebab, piza, *cupcake* dan lain-lain lagi.

Terdapat juga penyertaan melalui pembukaan booth daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Majlis Perwakilan Pelajar UiTM, vendor-vendor pangkalan data, Utusan Publication, Karangkrif, pemeriksaan kesihatan, Koperasi UiTM Berhad dan tidak ketinggalan jabatan-jabatan daripada PTAR sendiri.

Secara umumnya, program ini memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran kepada warga UiTM khususnya para pelajar betapa pentingnya perpustakaan dalam usaha menyalurkan maklumat dan sekaligus menyokong pengajaran dan pembelajaran di universiti.



Penyampaian Sijil *Literati Award* kepada Mr. Marco Tieman dan Dr. Maznah Che Ghazali, Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan



Persembahan akustik oleh saudari Nur Qursiyah bt Razali dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka



Pelepasan peserta-peserta pertandingan *Explorace*

Imbas QR Code ini untuk album penuh atau layari FB Ketua Pustakawan UiTM
<https://www.facebook.com/KetuaPustakawanUitm>



WARGAKERJA PTAR MEMENANGI PERSEMBAHAN TERBAIK

oleh Nik Lokman Nik Ismail



Saudara Mohd Fitri bin Ruslan menerima hadiah daripada pihak Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)

12 Disember 2013 – Wargakerja Perpustakaan Sains dan Teknologi Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mohd Fitri bin Ruslan telah berjaya meraih kemenangan di dalam satu seminar yang dianjurkan oleh Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu atau lebih dikenali dengan singkatan nama IMPAK baru-baru ini.

Beliau yang bertugas sebagai pembantu perpustakaan telah membuktikan kehebatan tersendiri dengan memenangi kategori Persembahan Terbaik di dalam Seminar Penyelidikan & Kepimpinan Melayu Siri 2/2013 dengan membawa tajuk **“Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu : Teguran dan Cadangan Pembetulan Beberapa Amalan Masa Kini.”**

Seminar yang diadakan di Anjung Seri Budiman, UiTM ini ditawarkan khusus kepada staf universiti yang melakukan penyelidikan tentang pelbagai topik samada dari aspek ekonomi, budaya dan sosial yang berkaitan dengan orang-orang Melayu sahaja.

“Saya sama sekali tidak menyangka akan memenangi kategori persembahan terbaik di dalam seminar ini memandangkan saya terpaksa bersaing dengan 16 peserta hebat yang lain di dalam pelbagai kategori tajuk yang turut membentangkan tentang orang-orang Melayu” katanya ketika ditemubual oleh wakil Buletin InfoPintar.

Beliau yang juga merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan daripada Universiti Sains Malaysia ini, merasa amat bersyukur di atas kemenangan ini kerana segala penat lelah di dalam menghasilkan kajian ini berhasil dan diiktiraf oleh IMPAK yang sememangnya bergerak untuk meninggikan martabat dan kedudukan orang-orang Melayu di negara ini.

Menurut beliau lagi dengan kejayaan ini diharap ianya mampu untuk mencetus inspirasi dan keinginan untuk setiap wargakerja PTAR daripada pelbagai peringkat jawatan membuktikan kemampuan dan mencerlahkan bakat dan kebolehan masing-masing di dalam usaha untuk meningkatkan taraf keilmuan dan juga peringkat kehidupan.



Saudara Mohd Fitri bin Ruslan ketika meyampaikan kertas kerja beliau

KONVENSYEN KIK UiTM – KUMPULAN *KEYLITE* (PTAR) MENGGONDOL PERSEMBAHAN TERBAIK



Enam orang wargakerja Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) yang menggelarkan diri mereka Kumpulan *Keylite* telah berjaya membawa pulang anugerah 'Persembahan Terbaik' di dalam satu Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), UiTM baru-baru ini.

KIK UiTM kali yang ke-18 yang diadakan pada 2hb. hingga 5hb. Disember 2013 adalah merupakan satu konvensyen yang telah menjadi acara tahunan bagi Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan untuk tahun ini UiTM, Perak telah dipilih untuk menjadi tuanrumah untuk konvensyen yang diadakan di Dewan Al-Khawarizmi, Kampus UiTM Seri Iskandar, Perak.

Kumpulan *Keylite* yang dianggotai oleh Tuan Haji Azizi Jantan (Fasilitator), Encik Ahmad



Ahli-ahli kumpulan *Keylite* di konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), UiTM

Nazri Jaafar, Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar, Encik Abdul Hamid Mohd Salleh, Tuan Haji Rosli Mohamad dan Encik Umar Mohamad Zin adalah wakil tunggal daripada PTAR yang turut mewakili Shah Alam di dalam konvensyen yang turut disertai oleh 23 kumpulan lain yang mewakili Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Kumpulan KeyLite yang tersenarai di dalam pembentangan yang ke 18 telah membentangkan tajuk 'Penukaran Lampu di PTAR Berisiko Tinggi'. Di dalam pembentangan tersebut Kumpulan *Keylite* telah mencadangkan satu penyelesaian kepada masalah tersebut di mana kumpulan ini telah berjaya merekacipta tiga alat iaitu :

- **Penukar Lampu Downlight**
- **Penukar Lampu Kalimantanang dan**
- **Penukar Starter Lampu**

Ketiga-tiga alat yang diciptakan ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja sekiranya berhasrat untuk menukar lampu tanpa perlu menggunakan atau menaiki tangga walaupun pada paras ketinggian 20 kaki.

Pada malam kemuncak Konvensyen KIK tersebut beberapa keputusan telah diumumkan iaitu sebanyak 17 kumpulan telah mendapat Anugerah Emas manakala enam lagi mendapat Anugerah Perak termasuk juga Kumpulan *Keylite*.

**Sumber : Ahmad Nazri Jaafar/
Perpustakaan Kejuruteraan TAR**



Imbas QR Code ini untuk album penuh atau layari FB Ketua Pustakawan UiTM
<https://www.facebook.com/KetuaPustakawanUitm>



Encik Abdul Hamid Mohd Salleh ketika menyampaikan pembentangan kumpulan *Keylite*



Wakil kumpulan *Keylite* menerima hadiah daripada tetamu kehormat Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)



Barisan hadapan dari kiri : Encik Ahmad Nazri Jaafar, Tuan Haji Azizi Jantan (Fasilitator) dan Encik Abdul Hamid Mohd Salleh
Barisan belakang dari kiri : Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar, Tuan Haji Rosli Mohamad dan Encik Umar Mohamad Zin

LAWATAN AKADEMIK PROF. DR. URSULA GEORGY BERSAMA WAKIL FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT, UITM KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

oleh Nik Lokman Nik Ismail



Dari kiri : Cik Wan Nor Haliza Wan Mokhtar, Encik Nik Lokman Nik Ismail, Puan Mariah Baharuddin, Professor Dr. Ursula Georgy, Puan Roslina Mohd Ali dan Dr. Dang Merduwati bt. Hj. Hashim

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) selaku sebuah perpustakaan akademik yang unggul di negara ini telah menerima kunjungan tetamu istimewa daripada Institute of Information Science, Cologne University of Applied Science, Germany pada 9hb. Disember 2013 baru-baru ini.

Tetamu istimewa yang dimaksudkan ini adalah Professor Dr. Ursula Georgy yang merupakan seorang pakar dalam bidang kepustakawanan dan maklumat selain daripada seorang penulis yang menerbitkan buku dan jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi dalam bidang kepustakawanan.

Prof. Dr. Ursula Georgy yang juga merupakan President of KIBA (*Association of Library and Information Science Education and Academic Studies*) telah mengadakan lawatan selama sehari di PTAR bersama-sama dengan dua orang wakil daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM iaitu Dr. Dang Merduwati bt. Hj. Hashim, Ketua Pusat Pengajian Pasca Ijazah dan Cik Wan Nor Haliza Wan Mokhtar, Pensyarah Kanan.



Lawatan ke kaunter Perkhidmatan Pelanggan



Penyampaian cenderahati oleh Puan Roslina Mohd Ali kepada Professor Dr. Ursula Georgy

Lawatan akademik yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk menjalinkan kerjasama di antara Fakulti Pengurusan Maklumat dan PTAR yang secara tidak langsung dapat membentuk rangkaian perkongsian ilmu di dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat.

Kehadiran Prof. Dr. Ursula Georgy adalah bersempena dengan perlantikan beliau oleh Fakulti Pengurusan Maklumat sebagai 'Guest Speaker' untuk 'Workshop On Information Marketing and Entrepreneurship' yang diadakan di Fakulti Pengurusan Maklumat di samping keinginan beliau untuk melihat sendiri dan mendapatkan maklumat mengenai pengurusan perpustakaan di PTAR sambil bertukar-tukar pandangan mengenai halatuju perpustakaan dengan pegawai-pegawai kanan PTAR.

Pertemuan dan perbincangan dua hala yang diadakan ini telah berlangsung di bilik mesyuarat media, tingkat 4 di bahagian *Learning Common*. Antara wakil pihak pengurusan yang hadir dalam perbincangan ini adalah Puan Roslina Mohd Ali, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Puan Mariah Baharuddin, Ketua Bahagian Perkhidmatan Rujukan dan Encik Nik Lokman Nik Ismail, Pustakawan dari bahagian Komunikasi Korporat. Majlis lawatan akademik ini dimulakan dengan persembahan slaid video tentang PTAR secara umum sebelum perbincangan lanjut dan juga lawatan ke beberapa bahagian di PTAR.



Lawatan ke sekitar galeri PTAR



Perbincangan santai di bilik perbincangan *Learning Commons*

“Sudut *Learning Common* adalah bahagian yang paling menarik hati saya kerana ianya memberikan keselesaan, kemudahan dan mampu menimbulkan minat pelajar untuk hadir ke perpustakaan di samping ianya disusun dengan begitu rapi dan kemas” demikian menurut Prof. Dr Ursula Georgy apabila ditanya tentang pandangan beliau tentang perpustakaan UiTM.



Penyampaian cenderahati oleh Puan Roslina Mohd Ali kepada Dr. Dang Merduwati bt. Hj. Hashim

Menurutnya lagi, beliau merasa begitu tertarik dengan usaha yang dilakukan oleh tenaga kerja PTAR dalam memastikan kemudahan mendapatkan maklumat dan keselesaan pengguna adalah seiring dengan perkembangan dan permintaan teknologi di zaman yang serba moden ini.

Selain daripada itu para tetamu juga telah berpeluang membuat lawatan ke beberapa bahagian lain di PTAR antaranya Bahagian Koleksi Khas, Bahagian Khidmat Sokongan Akademik, Bahagian Jurnal dan Pangkalan Data dan yang lain-lain.

PROGRAM EVERY CHILD NEEDS A FAMILY

oleh Syakirah Abd Khalid / Perpustakaan Undang-Undang TAR

3 Dis. 2013 (Selasa) bertempat di Auditorium iLQAM, UiTM. Program ini telah dihadiri oleh para pensyarah dan pelajar Fakulti Undang-Undang, staf pentadbiran, di samping peserta dari fakulti dan jabatan lain UiTM.

Program bertemakan *Every Child Needs A Family* ini merupakan program usahasama antara Kementerian Wanita, Keluarga & Pembangunan Masyarakat; *OrphanCare*; Fakulti Undang-Undang; dan Perpustakaan Undang-Undang sempena Bulan ICAN UiTM.

Antara penceramah adalah Puan Azra Banu dari *OrphanCare*, Dato' Aminah Abdul Rahman (Mantan Ketua Pengarah LPPKN) & Datin Shamsia Mansoor (*Islamic Revealed Knowledge*)



Antara yang hadir di ceramah program *Every Child Needs A Family*

In conjunction with the month of ICAN

"Every Child Needs A Family"

3 December 2013 | 8.30 am—12.30 pm | Auditorium 1, ILQAM

COLLABORATION BETWEEN the Ministry of Women, Family and Community Development, Malaysia | OrphanCARE | Faculty of Law & Law Library, UiTM Shah Alam |

Topics

- OrphanCARE: An Introduction.
- Reproductive Health and Family Values.
- Adoption Perspectives: The Child, The Parents and The Community.

TERBARU!

Perkhidmatan 24 jam Perpustakaan Undang-Undang dan Pengurusan Perniagaan

Bermula 2 Disember 2013, Perpustakaan Undang-Undang beserta Perpustakaan Pengurusan Perniagaan, bangunan PTAR 2 telah beroperasi 24 Jam.

Waktu perkhidmatan:

Semasa Semester

Isnin – Jumaat: 24 Jam.

Sabtu – Ahad : 8.30 pagi - 4.45 ptg.

Cuti Semester : 8.30 pagi - 4.45 ptg.

Cuti Umum : TUTUP



LAWATAN AUDIT PROGRAM PASCAIJAZAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)

oleh Aznur Umiza Abu Kassim / Bahagian Jaminan Kualiti



Panel MQA bersama pihak pengurusan PTAR



Ucapan pembukaan oleh Ketua Pustakawan, En. Noor Hidayat Adnan

Pada 28 November 2013, PTAR, UiTM Shah Alam telah menerima lawatan Audit Program Pascaijazah IPTA dari pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*). Dua panel telah menjalankan audit tersebut yang diketuai oleh Prof. Abdul Manan Mat Jais dan Encik Khairul Anwar Azizan. Ketua Pustakawan telah membentangkan laporan perpustakaan berdasarkan keperluan *Information on Area 6 : Educational Resources* yang terdapat di dalam *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*.

Semua Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Perpustakaan turut hadir untuk memberi komitmen bagi menjayakan audit tersebut. Prof. Abdul Manan Mat Jais mengajukan persoalan berkaitan dengan perkhidmatan perpustakaan seperti penggunaan jurnal dan pangkalan data, kebolehcapaian internet oleh pelanggan, meningkatkan bahan rujukan, aduan dan maklum balas pelanggan, program perpustakaan untuk pelajar pascaijazah dan lain-lain lagi. Beliau juga memberikan beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan untuk program pascaijazah. Cadangan-cadangan yang telah diberikan disambut baik oleh Pengurusan PTAR bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada semua pelanggan.



Panel MQA melawat pameran gambar



Dari kiri : Encik Khairul Anwar Azizan dan Prof. Abdul Manan Mat Jais



Imbas QR Code ini untuk album penuh atau layari FB Ketua Pustakawan UiTM
<https://www.facebook.com/KetuaPustakawanUitm>

LAWATAN KERJA PENANDAARASAN KE PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ZON UTARA

oleh Fariz Azuan Harun / Bahagian Katalog dan Kelas

Pada 26 November 2013 sehingga 29 November 2013 seramai 31 orang kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam yang terdiri daripada 3 orang Pegawai Pengiring dan 29 Kakitangan Pelaksana telah menyertai lawatan Kerja Penandaarasan ke Perpustakaan Universiti Zon Utara.

Lawatan yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak 1 dengan kerjasama Pejabat Ketua Pustakawan UiTM Shah Alam serta ahli Jawatan Kuasa dari Kelab Pembantu Perpustakaan UiTM Shah Alam ini telah mengadakan empat lawatan di perpustakaan di zon utara iaitu :

- **Perpustakaan Al-Bukhari International University, Alor Setar, Kedah**
- **Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah**
- **Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Perlis**
- **Perpustakaan UiTM, Pulau Pinang**

Objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti melalui pembaharuan dan penambahbaikan ke atas pelaksanaan sesuatu proses kerja, meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan perpustakaan disamping membolehkan perkongsian maklumat dan pengalaman staf antara perpustakaan dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna. Universiti pertama yang dilawati adalah Perpustakaan Al-Bukhari International Universiti di Alor Setar Kedah.



Sesi taklimat ringkas yang dimulakan oleh En. Salleh Hudin Mustaffa, Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Bahiyah.



Gambar bersama Ketua Pustakawan iaitu En. Hasbullah Atan dan kakitangan Perpustakaan Al-Bukhari International Universiti



Dihadapan pintu masuk ke Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan UiTM Perlis bersama Ketua Perpustakaan En. Abd. Rashid bin Abdullah.

AUDIT PEMANTAUAN (SURVEILLANCE AUDIT 1) LRQA ISO 9001:2008

oleh Ahmad Amiri Mohamad / Perpustakaan Flood Control Research Centre

Selasa, 19hb November 2013 - Perpustakaan Sains dan Teknologi Tun Abdul Razak (PSTTAR) telah dimaklumkan akan keputusan mendapat Audit Bersih daripada *Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)* dalam satu sesi lawatan Audit Pemantauan (SV1) persijilan ISO 9001:2008 baru-baru ini.

Perisytiharan Audit Bersih yang diperolehi ini dimaklumkan oleh auditor bertauliah daripada LRQA iaitu Encik Balaganesh Pavadai setelah berpuashati dengan hasil penemuan audit yang merangkumi skop audit seperti Tindakan Susulan Audit Lepas, Komitmen Pengurusan, Perkhidmatan Pelanggan, Perkhidmatan Rujukan, Perkhidmatan Akademik, Perkhidmatan Jurnal & Pangkalan Data dan Perkhidmatan Teknologi Maklumat.

Taklimat mengenai perkembangan PSTTAR bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013 telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan,



Ketua Pustakawan, En Noor Hidayat Adnan memberikan ucapan pembukaan lawatan audit



Sesi soal jawab audit bersama pengurusan PTAR dan Perpustakaan Sains dan Teknologi



Panel LRQA, Encik Balaganesh Pavadai bersama pihak pengurusan Perpustakaan Sains dan Teknologi Tun Abdul Razak

Jabatan Pembangunan Perpustakaan Khusus (JPPK) iaitu Puan Khasiah Zakaria kepada En. Balaganesh Pavadai.

Sebelum kehadiran auditor daripada LRQA ini, persediaan lebih awal telahpun dirancang oleh Jawatankuasa Dokumentasi Perpustakaan UiTM dan PSTTAR dalam usaha untuk memenuhi segala keperluan yang diperlukan semasa audit pemantauan nanti.

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Ketua Pustakawan (Encik Norhidayat Adnan), Ketua JPPK (Puan Khasiah Zakaria), Wakil Pengurusan ISO (Encik Jamaludin Sulaiman), Timbalan-timbalan Wakil Pengurusan ISO (Puan Aznur Umiza dan Puan Norkiah Ishak), Ketua Pegawai Dokumen ISO (Encik Zulkifli Ismail dan semua Pegawai Dokumen), dan Ketua Sistem Audit Dalam (Puan Baimah Bujang, Puan Wan Norizan) dan warga PSTTAR yang turut sama membantu dalam proses pengauditan pemantauan (SV1) tersebut. Begitu juga dengan Kumpulan Auditor Dalam PTAR yang telah memainkan peranan bagi memastikan proses kerja dan prosedur dilaksanakan seperti yang telah didokumenkan.



Imbas QR Code ini untuk album penuh atau layari FB Ketua Pustakawan UiTM
<https://www.facebook.com/KetuaPustakawanUitm>

GOTONG-ROYONG PERDANA, AMALAN TRADISI DI PTAR

Acara tahunan yang menjadi amalan di PTAR setiap tahun telah diadakan pada 29 Oktober 2013 yang lalu melibatkan seluruh Jabatan dan Bahagian di PTAR Utama. Program tersebut dimulakan dengan bacaan doa serta penerangan ringkas jam 8.30 pagi. Antara pengisian program tersebut adalah mengemas laluan di sekitar ruang Pejabat Ketua Pustakawan, Bilik seminar dan Bilik Jilid. Aktiviti seperti ini dilihat mampu memupuk perpaduan dalam kalangan staf perpustakaan selain turut mengeratkan tali silaturahim.

Perancangan rapi serta tersusun menjadikan program gotong-royong Perdana kali ini lebih efektif dan berjaya. Rancangan susun atur dan proses menyisihkan bahan-bahan terbuang dilakukan serentak melibatkan Bahagian-bahagian/Jabatan bagi memberi efek ruang yang lebih kemas dan tersusun. Perabot disusun dengan tidak menghalang laluan utama. Jalinan kemesraan dan semangat kerjasama antara staf perpustakaan jelas dilihat apabila melibatkan kerja-kerja susun atur perabot dan bahan-bahan perpustakaan.

Program tahunan ini turut melibatkan aspek keselamatan staf dan pengguna diberi lebih perhatian. Penganjur program kali ini iaitu Pejabat Ketua Pustakawan berharap program seumpama ini mampu memupuk suasana harmoni, meningkatkan motivasi antara staf, terutamanya dalam berdepan isu-isu keselamatan, kebersihan dan usaha untuk menampilkan imej yang terbaik di dalam perpustakaan.



TEAMBUILDING KPA DAN KPP DI PULAU PANGKOR

Oleh Nur Azian Azis / Perpustakaan TAR Kampus Puncak Alam

Berkat usaha untuk mengeratkan ukhuwah sesama warga Kampus Puncak Alam (KPA) dan Kampus Puncak Perdana (KPP) akhirnya dapat direalisasikan menerusi program Kursus Pemantapan Semangat Keserakanan dan Setiakawan (*Teambuilding*) yang bertempat di Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor, Perak.

Program ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor KPA dan KPP, YBhg. Prof. Dr. Sharifah Aishah Syed Abdul Kadir. Program ini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu pada 23 sehingga 25 Oktober dan diikuti kumpulan kedua pada 30 Oktober sehingga 1 November 2013. Program ini menemukan setiap lapisan warga KPA dan KPP untuk bergabung tenaga dan semangat berpasukan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Staf PTAR KPA dan KPP juga turut menyertai dalam program ini.

Antara aktiviti yang mencabar adalah *jungle trekking*, *rafting*, *flying fox*, pelbagai aktiviti yang mencabar minda dan kesabaran. Setiap peserta memberikan komitmen yang begitu tinggi serta jati diri dalam mengharungi setiap kepayahan. Rata-rata sebelum ini ada di antara warga kampus hanya berurusan mengenai hal kerja tanpa melihat wajah kerana hanya berhubung melalui emel atau telefon. Sehubungan itu, program ini mampu mengeratkan silaturrahim sesama warga kampus dengan mengenali antara satu sama lain.



PROGRAM LIBRARY IS MY SECOND HOME MERIAH

Kampus Puncak Perdana – Mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana digesa untuk menjadikan Perpustakaan di kampus tersebut dan juga perpustakaan PTAR yang lain sebagai satu rumah kedua dalam menuntut ilmu. Saranan ini disampaikan oleh Dato' Mohd Aizzuddin bin Mohd Ghazali, Ketua Eksekutif Yayasan Destini Anak Bangsa di dalam satu majlis perasmian *Library is My Second Home* anjuran PTAR Kampus Puncak Perdana dengan kerjasama pelajar Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif, FF 226, Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FITA), Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Puncak Perdana dan Arkib Negara Malaysia.

Menurut beliau *Library is my second home* adalah merupakan satu inisiatif untuk merapatkan perpustakaan dengan mahasiswa UiTM Kampus Puncak Perdana agar mereka sedar kepentingan kewujudan perpustakaan. Pendekatan ini juga membuka ruang agar mahasiswa datang ke perpustakaan untuk berehat sambil mengulangkaji pelajaran dengan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.

“Program dan aktiviti menggalakkan minat membaca dan cintakan ilmu perlu diperluaskan kepada semua golongan masyarakat. Masih belum terlewat untuk kita memupuk generasi muda agar terus membaca, mencungkil bakat, seterusnya berkarya bagi memperkayakan ilmu negara ini. Sesungguhnya budaya membaca dan minat penulisan perlu dipupuk di kalangan golongan belia yang bakal menjadi pemimpin Negara” katanya.

Tambah beliau lagi, bagi merealisasikan matlamat agar perpustakaan dijadikan sebagai rumah kedua oleh para pelajar dan masyarakat UiTM, maka satu perubahan perlu dilakukan dari segi konsep, rekabentuk dalaman yang santai dan sikap staf yang sentiasa memberikan layanan. Jika suatu ketika dahulu perpustakaan merupakan satu tempat yang amat tidak diminati oleh pelajar tetapi kini ia akan sentiasa dikunjungi di waktu senggang mereka.



Gimik perasmian yang disempurnakan oleh Dato' Mohd Aizzudin bin Mohd Ghazali, Ketua Eksekutif YDAB, diiringi Pn. Nik Annita dan Pn. Azizah



Ruang pameran

Program yang berlangsung selama dua hari ini yang bermula pada 08 dan 09 Oktober 2013 disempurnakan dengan gimik perasmian dengan menandatangani sebuah replika buku sambil dimeriahkan lagi dengan beberapa persembahan tarian moden oleh para pelajar FITA.

Sepanjang program *Library is My Second Home* berlangsung pelbagai aktiviti dijalankan antaranya Jualan Buku, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Membaca, Pertandingan Khat, Pertandingan Menyusun Buku, Mencari Buku, Meneka Muka Surat dan *Silent Explorace in the Library*.

Selain itu, sesi perkongsian maklumat seperti Sesi Sepetang Bersama Tokoh Terpilih, Dr Mohd Zolkefeli Mat Jusoh dan ceramah Pengurusan Rekod Audio Visual bersama Pegawai Arkib Negara turut diadakan bagi memeriahkan lagi program yang dijalankan. Unikny, aktiviti indoor games yang dimuatkan berkonsepkan dasar tujuh teras bersepadu iaitu akademik, keusahawanan, kerohanian, kepimpinan, kreativiti dan inovasi; pemikiran kreatif dan kritis; dan kemahiran berkomunikasi. Pendekatan ini bukan saja membantu menyampaikan maklumat malah ianya mampu membentuk jati diri pelajar.

Aktiviti sebegini perlu diadakan bagi memantapkan hubungan dan jaringan antara Perpustakaan dan Fakulti. Sambutan menggalakkan daripada ribuan pengunjung yang hadir memberi gambaran program sebegini mampu mendapat tempat dihati pelajar dan masyarakat Kampus Puncak Perdana sekiranya bertepatan dengan kehendak dan kemahuan pengguna. Antara tetamu yang hadir di dalam

program ini ialah Encik Azhari Muhammad Zain, Timbalan Dekan (HEP) FITA, Puan Nik Annita Nik Omar, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana, Puan Azizah Khasim, Ketua Perpustakaan, PTAR Kampus Puncak Perdana.

Sumber : Sakmah Sarif / Perpustakaan TAR Kampus Puncak Perdana



Para pelajar memenuhi ruang pameran



Pn. Nik Annita menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan turut diiringi oleh Pn. Azizah.

LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA UNIT PERPUSTAKAAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPG), KAMPUS IPOH, HULU KINTA, PERAK KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

oleh Nik Lokman Nik Ismail

Shah Alam – Seramai 4 orang pegawai pengiring daripada Unit Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) berserta dengan 36 orang pelajar daripada Kelab Rakan Perpustakaan IPG telah mengadakan satu lawatan Penandaarasan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi Mara (UiTM) baru-baru ini.

Lawatan yang diadakan pada 1hb. Oktober 2013 itu telah diketuai oleh Encik Azhar bin Osman, Ketua Unit Perpustakaan merangkap Ketua Pengiring diikuti oleh Puan Norhafiza binti Jusoh, Pustakawan dan dua orang pembantu perpustakaan iaitu Noor Azliana bt Mohd Jaapar dan Mohd Taha bin Alang Othman.

Rombongan lawatan penandaarasan ini lebih tertumpu kepada proses untuk mendapatkan maklumat serta meninjau perkhidmatan pengurusan perpustakaan dan proses kerja yang dilaksanakan di PTAR terutamanya di dalam bidang Repositori Institusi. Selain daripada itu ianya juga bertujuan untuk menimba ilmu dan berkongsi pengalaman mengenai kaedah terbaik di dalam perkhidmatan pengurusan repositori institusi dalam usaha memantapkan pembangunan sumber di IPG, Hulu Kinta, Perak.

Ketibaan mereka ini telah disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Encik Jamalludin Sulaiman dan juga pustakawan bahagian komunikasi korporat, En. Nik Lokman Nik Ismail.

Sebaik sahaja rombongan lawatan ini telah berada di bilik seminar PTAR, mereka telah didedahkan kepada sejarah, perkembangan, perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di PTAR. Selain daripada



Sesi bergambar di hadapan Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama

itu beberapa orang pegawai perpustakaan turut dipertanggungjawabkan untuk memberikan penerangan kepada rombongan tersebut tentang pengurusan repositori institusi danimbangan bahan di PTAR. Antara pegawai yang bertanggungjawab di dalam penerangan ini adalah Puan Zuhaslinda Sulaiman dan Encik Mohd Fahizan Hamid.

Selesai sahaja taklimat perpustakaan, diadakan pula sesi soal jawab di antara kedua pihak dengan suasana mesra dan terbuka. Sesi pertukaran cenderamata juga diadakan bagi menghargai kerjasama di antara kedua pihak atas inisiatif lawatan yang dijalankan.

Rombongan lawatan ini juga turut dibawa melawat ke bahagian-bahagian lain seperti Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Koleksi Khas, Bahagian Rujukan, Learning Common dan juga bahagian-bahagian perkhidmatan lain di PTAR. Di akhir lawatan, satu sesi bergambar diadakan di hadapan pintu utama PTAR.



Imbas QR Code ini untuk album penuh atau layari FB Ketua Pustakawan UiTM
<https://www.facebook.com/KetuaPustakawanUitm>

LAWATAN TAPAK BANGUNAN BARU PTAR KAMPUS PUNCAK ALAM

Oleh Nur Azian Azis / Perpustakaan TAR Kampus Puncak Alam

24 September, Puncak Alam –

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Puncak Alam bakal menduduki satu bangunan baru tidak lama lagi dalam usaha untuk memberikan lebih kemudahan dan keselesaan kepada pengguna-penggunanya.

Bangunan yang dijangka siap sepenuhnya pada April 2014 ini mula dibina pada akhir tahun 2010 dan mempunyai ketinggian empat tingkat dan berkeluasan kira-kira 9700 kaki persegi. Perpustakaan ini akan menempatkan ruang bacaan di setiap tingkat, bilik bacaan 24 jam, bilik seminar, bilik server, bilik perbincangan, bilik 'book drop' yang menempatkan mesin pemulangan buku automatik dan pelbagai lagi kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik.

Satu lawatan tapak ke bangunan baru ini telah diadakan oleh pihak PTAR Puncak Alam bersama-sama dengan pihak kontraktor untuk memastikan struktur yang dibina mengikut pelan lantai yang telah dipersetujui. Lawatan ini telah disertai oleh Puan Nik Annita Nik Omar (Timbalan Ketua Pustakawan), Encik Mohd Anuar Mohd Maasom (Pustakawan), Puan Nur Azian Azis (Pustakawan) dan Encik Zairuddin Sukardi (Pembantu Penerbitan).



Penerangan daripada jurutera projek



Bangunan baru perpustakaan



Ruang lobi perpustakaan

PAMERAN PERPUSTAKAAN – SALURAN MAKLUMAT ALTERNATIF PTAR

Perpustakaan terkenal sebagai pusat sumber keilmuan. Sebagai pusat sumber ilmu pengetahuan sewajarnya perpustakaan diperkembangkan tentang fungsi dan penawaran perkhidmatan yang ada untuk pengetahuan dan makluman umum. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) juga tidak terkecuali di dalam usaha untuk mewar-warkan perkhidmatan yang ditawarkan. Antara salah satu alternatif penyampaian maklumat kepada pengguna adalah Pameran.

Berdasarkan matlamat yang ingin dicapai seperti di atas, Bahagian Perkhidmatan Rujukan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan beberapa siri pameran sepanjang Januari hingga Disember 2013.

Aktiviti pameran yang dijalankan di PTAR meliputi 2 kategori iaitu Pameran Dalaman Bertema dan Pameran Usahasama. Setiap pameran yang dijalankan akan dipamerkan di Sudut Pameran (Aras 2, PTAR Utama) atau di Galeri PTAR mengikut kesesuaian jenis, saiz dan kuantiti bahan yang dipamerkan. Pameran Dalaman Bertema disediakan oleh pihak Bahagian Perkhidmatan Rujukan, PTAR melalui proses pencarian maklumat, pempakejan maklumat dan seterusnya mempamerkan maklumat tersebut sebagai bahan pameran. Pameran Usahasama pula adalah satu jalinan kerjasama dan keserakanan antara pihak PTAR dengan fakulti/ jabatan dalam UiTM atau badan korporat/ badan bukan kerajaan/ syarikat bagi tujuan perkongsian maklumat serta penyampaian info-info terkini berkaitan organisasi tersebut dan isu-isu semasa yang berkaitan.




Pameran Food Retail & Innovation
6 Jun - 23 Ogos



Pameran Manuskrip Melayu:
Kosmologi & Epistemologi Tradisional
8 Jun - 8 Ogos



Pameran Melayu & Bumiputra
28 Feb - 14 Mei



Pameran Monograf: Andy Warhol
in the World of Fashion
15 Mei - 5 Jun

Di samping untuk meningkatkan kesedaran literasi maklumat warga universiti, Bahagian Perkhidmatan Rujukan juga turut menggerakkan pelbagai aktiviti-aktiviti sampingan sepanjang tempoh pameran itu berlangsung. Antara aktiviti menarik yang dijalankan adalah pameran perpustakaan, sesi perkongsian maklumat, ceramah dan taklimat, jualan booth dan gerai, kuiz dan pertandingan.

Sumber : Siti Aishah Saadan / Bahagian Perkhidmatan Rujukan

BENGGKEL PEMANTAPAN MODUL KEMAHIRAN MAKLUMAT

Shah Alam - Bahagian Perkhidmatan Rujukan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan satu Bengkel Pemantapan Modul Kemahiran Maklumat yang berlangsung di Bilik Seminar dan Pusat IT, PTAR Utama baru-baru ini.

Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini iaitu dari 1hb. hingga 2hb. Ogos ini telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan PTAR, En. Noor Hidayat Adnan sambil disertai oleh Ketua Timbalan Pustakawan, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Ketua Jabatan Perpustakaan Khusus, Ketua Bahagian Perkhidmatan Rujukan dan juga Pustakawan yang dilantik sebagai penyedia bahan pengajaran modul.

Objektif bengkel ini dianjurkan adalah untuk menyediakan satu modul bahan pengajaran khusus Kelas Kemahiran Maklumat bagi pelanggan perpustakaan termasuklah pelajar pra siswazah, pasca siswazah dan staf UiTM.

Pada hari pertama, pihak penganjur telah menjemput Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad (Allahyarham) bagi menyampaikan ceramah yang bertajuk *Information Literacy: an overview* yang berkisarkan tentang konsep dan evolusi *Information Literacy* di Malaysia. Selain itu beliau turut menekankan tentang *Search Process Model* dan *Info Literacy Blueprint* dalam perkembangan dan pembangunan maklumat terkini.

Manakala pada hari kedua pula bengkel ini memfokuskan kepada penyediaan bahan pengajaran Modul Kemahiran Maklumat yang disediakan



Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad (Allahyarham) ketika menyampaikan ceramah



Hari kedua bengkel, penyediaan bahan pengajaran Modul Kemahiran Maklumat

mengikut kategori pelanggan perpustakaan berdasarkan kepada keperluan maklumat dan tahap pendidikan.

Modul Kemahiran Maklumat ini mengandungi bahan pengajaran seperti Orientasi Perpustakaan dan Lawatan Berpandu, *OPAC dan WebOPAC*, Teknik Pencarian, *e-Journals* dan Jurnal Bercetak, *e-Books*, *FCORP*, *EQPS*, *GSA*, *Institutional Repository*, Pencarian Internet, Penilaian Sumber Maklumat, *My Library*, *End Notes*, *WizFolio*, *Mendeley*, *SCOPUS*, *Web of Science* dan *Library Support to Postgraduate Students*.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya memberi pendedahan dan input yang berguna kepada para pustakawan dalam penyediaan bahan pengajaran yang berkesan bagi tujuan penyampaian maklumat kepada pelanggan perpustakaan.

Sumber : Bahagian Perkhidmatan Rujukan

HAK-HAK SEORANG MUSLIM

Bab Ikram Muslimin, Hadith no. 140

Sayyidina Abu Hurairah ra. meriwayatkan bahawa Rasulullah saw. bersabda, "Sesungguhnya agama itu ialah ketulusan dan kesetiaan, sesungguhnya agama itu ialah ketulusan dan kesetiaan, sesungguhnya agama itu ialah ketulusan dan kesetiaan." Para sahabat bertanya, "Kepada siapa wahai Rasulullah?" Baginda saw. menjawab, "Kepada Allah swt., kitab-Nya, Rasul-Nya dan kepada pemimpin-pemimpin Islam serta orang awamnya." (Nasai)

Keterangan: Maksud ketulusan dan kesetiaan untuk Allah swt. ialah beriman kepada Allah swt., kasih kepada-Nya sungguh hati, takut kepada-Nya, taat dan beribadat kepada-Nya dan jangan menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Sementara ketulusan dan kesetiaan kepada kitab Allah swt. ialah beriman dengannya, tunaikan hak memuliakannya, mendapatkan ilmunya, sebarkan ilmunya, dan beramal dengannya.

Ketulusan dan kesetiaan terhadap Rasulullah saw. ialah membenarkan Baginda, memuliakan Baginda, cintakan Baginda dan sunah Baginda saw. dan menyakini sepenuh jiwa raga bahawa keselamatan saya adalah dalam mengikut cara hidup Baginda saw. Ketulusan dan kesetiaan kepada pemimpin-pemimpin orang Islam ialah membantu mereka dalam menunaikan tanggungjawab dan tugas mereka, bersangka baik terhadap mereka, sekiranya ternampak apa-apa kesalahan mereka maka hendaklah diperbetulkan dengan cara yang terbaik, memberi cadangan yang baik kepada mereka dan mentaati mereka dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak.

Sementara ketulusan dan kesetiaan terhadap orang awam Islam ialah mengambil berat tentang kebaikan dan kebajikan mereka termasuklah mendorong mereka ke arah agama, merasakan bahawa manfaat untuk mereka ialah manfaat kita sendiri dan kerugian mereka ialah kerugian kita sendiri, membantu mereka sedaya mungkin dan menunaikan hak mereka. (Ma'ariful Hadis)

Lawatan & Taklimat Perpustakaan Fakulti Perladangan & Agroteknologi



Imbas QR Code ini untuk album penuh

Kelas Kemahiran Maklumat Akademi Pengajian Bahasa



Imbas QR Code ini untuk album penuh

Lawatan Sambil Belajar Sekolah Rendah Agama Rakyat As-Saadiah



Imbas QR Code ini untuk album penuh

Mini Konvensyen KIK Zon Tengah UiTM Shah Alam



Imbas QR Code ini untuk album penuh

Sebarang sumbangan artikel, berita atau rencana mengenai pengurusan maklumat dan keilmuan, sila hantarkan penulisan anda kepada:

**Unit Komunikasi Korporat dan Penerbitan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
40450 UiTM Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Emel : niklokman@salam.uitm.edu.my**